

PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK (PBL): IMPAK PEMBUDAYAAN 4C's

Mohd Saad bin Hashim
Pengetua
SMK Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar, Perak

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti impak Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) terhadap pembudayaan 4C's (kolaborasi, komunikasi, berfikir secara kritikal, kreativiti). PBL telah dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid di peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 dan 2) dan pra universiti (tingkatan 6) di SMK Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar, Perak. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian terhadap pelajar-pelajar sekolah ini yang terlibat dalam projek rintis. Dapatan menunjukkan aktiviti PBL ini sangat signifikan dan membolehkan pembudayaan 4C's. Hasil pelaksanaan PBL yang berpusatkan murid menunjukkan terdapat peningkatan tahap kemahiran belajar murid dalam menyelesaikan masalah isi kandungan yang diberi di dalam kelas. Pada akhirnya murid dapat menghasilkan satu produk yang berbentuk model, poster, folio, laporan, eksperimen dan lawatan. Selepas itu, objektif pembelajaran murid boleh diukur melalui pembentangan hasil produk dan laporan mereka. Peningkatan tahap kemahiran belajar ini secara tidak langsung dapat membudayakan 4C's. Murid bukan sahaja dapat berkolaborasi bersama rakan, guru dan pentadbir di sekolah, malah murid dapat berkomunikasi dengan masyarakat luar semasa melaksanakan aktiviti lawatan dan temu bual. Di samping itu, sumbangan dan penghasilan produk oleh murid menunjukkan kesan pemikiran kritis dan kreatif mereka. Sebagai kesimpulan, strategi PBL yang dirancang oleh guru berdasarkan isi kandungan kurikulum murid mampu meningkatkan tahap penguasaan kemahiran 4C's dan membantu untuk mencapai sekolah berkualiti selari dengan Transformasi Sekolah 25 (TS25). Kajian yang lebih komprehensif perlu dilaksanakan dalam semua subjek untuk melihat kesan 4C's semasa proses PBL dilaksanakan.

Kata kunci: Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL), pembudayaan 4C's, Transformasi Sekolah (TS25)

LATAR BELAKANG

- A) Idea projek rintis Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL) tercetus selepas Pengetua mendapati beberapa dapatan yang perlu dibuat penambahbaikan bagi merealisasikan dan mengukuhkan pengajaran Abad ke-21, antaranya:
- Hasil pemantauan dan pencerapan pengajaran dan pembelajaran (pdp) didapati masih ada kalangan guru yang pengajarannya berpusatkan guru
 - Proses pdp dalam bilik darjah kurang mencabar dan kurang menarik
 - Pembelajaran murid kurang aktif
 - Pengetahuan murid dalam sesuatu isu kurang mendalam dan terbatas
 - Pelaksanaan 4C's kurang diberi penekanan dan tidak selari dengan kehendak pembelajaran Abad ke-21

- B) Hasil daripada pembacaan, perbincangan dan bimbingan daripada Pegawai SIP+ serta Pegawai SISC + PPD Kerian yang menyarankan PBL sebagai salah satu pendekatan alternatif yang mampu melahirkan generasi 4C's

OBJEKTIF

- i) Menjadikan PBL sebagai salah satu pendekatan alternatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran
- ii) Membuktikan bahawa pendekatan PBL mampu melahirkan insan berkemahiran dari segi komunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal, berkeaktiviti dan mampu berkolaborasi dan umumnya selari dengan Aspirasi Murid (PPPM 2013 – 2025)
- iii) Ke arah merealisasikan *tagline* sekolah 2018 iaitu 'Di sini Lahirnya Pemimpin'

PELAKSANAAN

Pelaksanaan PBL di sekolah melibatkan tiga (3) fasa:

- i) Fasa Rintis
- ii) Fasa Peluasan
- iii) Fasa Kelestarian

FASA RINTIS (2017)	FASA PELUASAN (2018)	FASA KELESTARIAN (2019 – 2021)
<ul style="list-style-type: none"> ✚ Tingkatan 2 DLP (English & Inovasi) ✚ Tingkatan 4 (Gelandangan / Homeless) ✚ Tingkatan 6 (Nelayan Bagan Tiang) 	<p>Kelas:</p> <p>Melibatkan semua tingkatan 1, 3 & 4</p> <p>Projek dikenali sebagai : 1Kelas 1Projek 1 Subjek (<i>Jadual di bawah</i>) **</p> <p>HEM:</p> <p>Projek Eksplorasi Kerjaya : ✚ Kerjaya Pegawai TUDM</p> <p>KOKURIKLUM:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✚ 1 Unit Uniform 1 Projek ✚ Karnival PBL 	<p>Semua kelas, semua subjek HEM Kokurikulum, Komuniti</p>

DAPATAN/IMPAK PELAKSANAAN PBL FASA RINTIS:

i) Hasil daripada cetusan pendapat pelajar yang terlibat

Dapatan Tinjauan Awal Pendekatan PBL:

Para pelajar telah ditemu bual untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap pendekatan ini. Berasaskan maklum balas pelajar yang dianalisis kesimpulannya didapati pendekatan PBL mempunyai banyak kesan positif terhadap kemenjadian murid (4C's).

Jadual 1.

Kesan positif PBL berdasarkan ciri-ciri utama mengikut pandangan murid

Ciri-Ciri Utama PBL	Pandangan Murid
PBL berguna	'...pembelajaran yang sangat berguna kepada proses pembelajaran yang saya lalui...'
PBL Berkesan	'Suatu pengalaman yang sungguh bermakna dan kaedah yang sangat menarik' 'Amat berkesan untuk mendalami sesuatu topik yang diajar oleh guru'
PBL mencabar	'Berdepan dengan ahli masyarakat di luar sekolah untuk meminta kerjasama mereka dalam menjawab soal selidik dan temu bual.' 'PBL mencabar minda, mencabar kesabaran dan memahami erti kehidupan.'
PBL menyeronokkan	'Kaedah ini amat menyeronokkan dan memberi pengalaman baharu mendapat ilmu kepada saya.'
PBL tidak membebankan	'Saya dapati PBL tidak membebankan kerana apa yang saya buat masih dalam ruang lingkup tajuk yang dipelajari dalam sukatan dan saya mendapat lebih banyak maklumat.'
PBL memberi banyak pengalaman baru	'Banyak pengalaman berharga yang dikutip melalui PBL yang boleh dijadikan panduan pada masa akan datang.' 'PBL wajar diteruskan kerana pendekatan pembelajaran ini memberi peluang kepada saya untuk mendalami sesuatu isu dan berfikir bagaimana menyelesaikan isu.' 'Banyak pengalaman baharu yang saya dapat melalui PBL.'

Selain itu kelebihan pendekatan PBL ini juga boleh dilihat dari sudut kemahiran insaniah yang dapat dijana dalam proses pembelajarannya.

Jadual 2.

Kelebihan pendekatan PBL dari sudut kemahiran insaniah mengikut pendapat murid

Kemahiran Insaniah	Pandangan Murid
Kemahiran Berfikir secara kritis dan kreatif	<p>‘ Selain itu minda pelajar juga dicabar untuk berfikir sendiri dengan mendalam bagaimana untuk menyelesaikan tugas yang diberi.’</p> <p>‘...PBL membantu saya berfikir dan berpandangan jauh...’</p>
Kemahiran Komunikasi	<p>‘ Kaedah PBL meningkatkan kebolehan saya berkomunikasi...’</p> <p>‘...PBL membina kemahiran komunikasi dan juga keyakinan diri murid.’</p> <p>‘..apabila terlibat dengan projek di luar sekolah , murid-murid perlu berani untuk berkomunikasi serta secara tidak langsung dapat kemahiran bersosial juga.’</p>
Kemahiran Bersosial	<p>‘ Banyak memberikan ilmu yang tak diajar dalam bilik darjah khususnya ketika bergaul dengan masyarakat tempat kajian dilaksanakan.’</p> <p>‘Dapat mengenali masyarakat setempat dengan lebih dekat serta memahami persekitaran hidup mereka.’</p>
Kemahiran kolaboratif	<p>‘Tugasan kumpulan ini memberi pengetahuan yang tinggi tentang kepentingan kerjasama dan kesepakatan dalam menjalankan tugas.’</p> <p>‘ PBL menggalakkan kerjasama dan tidak boleh mementingkan diri sendiri . Pandangan rakan dihormati dan berlaku tolak ansur.’</p>
Pembelajaran Kendiri	<p>‘PBL menggalakkan saya untuk belajar secara sendiri. Saya perlu membuat rujukan di PSS dan internet bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah yang ditemui.’</p>
Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat	<p>‘PBL mendidik pelajar untuk terus belajar secara formal atau tidak formal di mana –mana sahaja.’</p> <p>‘...dapat membantu saya memperoleh pengetahuan baharu yang amat bernilai sebagai panduan pada masa hadapan.’</p>

ii) Pandangan Guru yang menjadi pemudahcara (fasilitator) Projek-projek PBL fasa rintis dari sudut kebaikan dan kekangan:

a. Kebaikan:

- i. Projek yang diberi kepada murid telah memberikan banyak faedah. Mereka menimba pengalaman dan kemahiran baharu yang belum pernah dilalui.
- ii. Pendekatan ini memberi peluang kepada murid untuk mempelajari suatu topik yang terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) atau Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) secara mendalam
- iii. Murid dapat mempelajari pelbagai kemahiran ICT semasa pelaksanaan projek. Contohnya, ketika membuat carian maklumat, membangunkan multimedia untuk persembahan dan juga untuk menyediakan laporan. Antara perisian yang digunakan ialah 'Powerpoint', 'Window Movie Maker', 'word', 'excel' juga penggunaan kamera digital.
- iv. Murid memperoleh kemahiran berkomunikasi terutama semasa sesi temu bual dan pembentangan sama ada di dewan sekolah atau dalam bilik darjah.
- v. Murid juga diberi ruang dan peluang menggunakan bahasa Inggeris dan sekali gus dapat mempertingkatkan keupayaan berbahasa Inggeris
- vi. Dapat memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan, semangat setiakawan dan belajar untuk memperkukuhkan motivasi individu serta kumpulan.
- vii. Mempertingkatkan lagi keyakinan untuk membuat pengucapan awam dan memperoleh kemahiran dalam menangani soalan-soalan yang dikemukakan.
- viii. Murid juga memperoleh kemahiran dalam mengurus serta menganjur suatu projek seperti lawatan, temu bual dan mengusahakan sesi pembentangan hasil projek di sekolah. Hal ini dapat memberi peluang kepada murid untuk membuat sesuatu keputusan, berfikir kritis dan kreatif dan terbuka.
- ix. Memahami suatu perkara secara pengalaman sebenar dan bukan secara teori sahaja. Hal ini memberi kesan pembelajaran yang mendalam dan tekal.

b. Kekangan Pelaksanaan PBL:

- i. Murid terlibat dengan pelbagai aktiviti anjuran unit sukan, kelab dan persatuan dan sebagainya. Hal ini menyebabkan berlaku gangguan dalam melaksanakan projek secara tekal.
- ii. Projek yang dirancang memerlukan masa yang panjang. Hal ini memerlukan kesanggupan pengorbanan masa murid dan guru.
- iii. Dalam membuat lawatan lapangan pula, kadang-kadang pihak yang hendak dilawati tidak bersedia dan tidak mahu menerima lawatan. Hal ini boleh menyebabkan kerja-kerja menyiapkan tugas akan tergendala.
- iv. Terdapat juga murid yang kurang beri kerjasama. Bagaimanapun secara keseluruhan murid-murid telah memberi kerjasama yang baik.
- v. Terdapat dalam kalangan ibu bapa kurang memberi kerjasama untuk mengizinkan anak-anak mereka terlibat dalam projek ini. Antara alasan mereka projek ini tidak memberi sumbangan secara langsung dengan pencapaian akademik anak-anak mereka berbanding dengan jumlah masa yang diperuntukkan untuk menyiapkan projek berkenaan. Mereka lebih pentingkan kelas Tuisyen berbanding projek sekolah.
- vi. Memerlukan peruntukan perbelanjaan yang tinggi untuk membiayai projek yang berskala tinggi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya semua pihak iaitu guru dan murid memperakui kelebihan Pembelajaran Berasaskan Projek. Setelah melalui proses-proses menyiapkan PBL secara umumnya memperakukan bahawa mereka telah memperoleh satu bentuk pembelajaran dan pengalaman baharu. Para fasilitator berpendapat bahawa pendekatan ini merupakan satu pendekatan yang menarik dan memberikan ilmu pengetahuan yang sebenar kepada pelajar. Model seumpama ini sememangnya amat diperlukan dalam situasi gaya pembelajaran pelajar hari ini yang aktif dan kreatif. Kesimpulannya pendekatan PBL sememangnya amat berkesan dalam melatih beberapa aspek kemahiran yang amat diperlukan oleh pelajar abad ke-21 sebagai bekalan kepada kehidupan yang lebih mencabar pada masa hadapan.

Isu kekangan yang dinyatakan tidaklah merupakan isu yang besar berbanding impak yang diperoleh hasil pelaksanaannya. Hal tersebut boleh diatasi dengan pengurusan yang cekap dan mempunyai wawasan yang jelas. Bagaimanapun pendekatan ini akan lebih bermanfaat dan mudah dilaksanakan sekiranya mendapat kerjasama daripada semua pihak.

Rumusannya pendekatan PBL ini sememangnya bermanfaat dan boleh digunakan sebagai satu amalan baik dalam proses pembelajaran murid sama ada dalam bilik darjah atau di lapangan.

RUJUKAN

- Hussain Othman, Abdullah Sulaiman, Berhannudin Mohd Salleh & Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (2009), "*PBL – Pembangunan Komuniti Lestari*", Penerbit UTHM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2007), *Laporan Pelaksanaan Projek Rintis Project-Based Learning*, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sabah 2007, Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mispuah Hassan (2014). "Pembelajaran Berasaskan Projek Pertandingan Untuk Memupuk Minat Pelajar Terhadap Sains", *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* (Jilid 15), Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm 135 – 153.